



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN NOVEL NIEHAI HUA DALAM KONTEKS MASYARAKAT  
PADA AKHIR DINASTI QING**

**WONG SOON DEE**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA CINA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pembentukan novel Niehai Hua dalam konteks masyarakat pada akhir Dinasti Qing. Teori lapangan Bourdieu telah diaplikasikan dalam kajian ini dan novel Niehai Hua diletakkan dalam suatu lapangan yang berunsurkan masyarakat akhir Dinasti Qing untuk membincang secara menyeluruh tentang pengaruhnya terhadap penulisan novel Niehai Hua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman kehidupan dan latar masyarakat yang dialami oleh Zeng Pu telah mempengaruhi pemikirannya dalam penulisan dan pembentukan tema novel ini. Kandungan yang diuraikan dalam novel Niehai Hua berkait rapat dengan realiti masyarakat, maka tema-tema novel ini telah merangkumi kritikan mengenai kemerosotan politik akhir Dinasti Qing, pendedahan tentang pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme serta pujian terhadap ideologi pembaharuan dan revolusi. Kesimpulan daripada kajian ialah pengaruh latar masyarakat akhir Dinasti Qing dan latar belakang kehidupan Zeng Pu terhadap penulisan Niehai Hua adalah penting untuk memahami pembentukan novel ini secara terperinci. Implikasi kajian ini dapat membantu kita untuk membuat penilaian semula tentang kedudukan novel akhir Dinasti Qing dalam kesusasteraan China.





## **THE FORMATION OF THE NOVEL NIEHAI HUA IN THE CONTEXT OF THE SOCIETY DURING THE LATE QING DYNASTY**

### **ABSTRACT**

This study was aimed to review the formation of novel Niehai Hua in the context of the society during the late Qing Dynasty. Bourdieu's field theory has been applied in this study and the novel Niehai Hua was placed in a field that characterises the society of the late Qing Dynasty in order to discuss thoroughly its influence over the novel writing. The findings showed that the life and background of the society experienced by Zeng Pu has influenced his thinking in the writing and the creation of the themes of the novel. The content described in the novel Niehai Hua was closely related to the reality of society. Hence the themes of this novel include criticism of political decline of the late Qing Dynasty, exposure of the aggression of imperialism power and compliment towards the ideology of reformation and revolution. As a conclusion, the background of society during the late Qing Dynasty and biobibliography of Zeng Pu have influenced the writing of Niehai Hua which are important for us to understand the formation of this novel. The implications of this study helps us to make a reassessment of the position of the late Qing Dynasty novel in Chinese literature.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                           |     |
|-------------------------------------------|-----|
| <b>PENGAKUAN</b>                          | ii  |
| <b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii |
| <b>PENGHARGAAN</b>                        | iv  |
| <b>ABSTRAK</b>                            | v   |
| <b>ABSTRACT</b>                           | vi  |
| <b>KANDUNGAN</b>                          | vii |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                     | xi  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                      | xii |

### BAB 1 PENGENALAN

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan             | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian   | 2  |
| 1.3 Pernyataan Masalah      | 8  |
| 1.4 Objektif Kajian         | 11 |
| 1.5 Signifikan Kajian       | 11 |
| 1.6 Skop dan Batasan Kajian | 12 |

### BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|                                                  |    |
|--------------------------------------------------|----|
| 2.1 Pendahuluan                                  | 16 |
| 2.2 Disertasi-disertasi tentang Novel Niehai Hua | 17 |



|                                                 |    |
|-------------------------------------------------|----|
| 2.3 Kajian tentang Latar Belakang Penulis       | 20 |
| 2.4 Kajian tentang Pembentukan Novel Niehai Hua | 23 |
| 2.5 Kesimpulan                                  | 29 |

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|                                                  |    |
|--------------------------------------------------|----|
| 3.1 Pendahuluan                                  | 31 |
| 3.2 Kerangka Kajian                              | 33 |
| 3.3 Kaedah Kajian                                | 34 |
| 3.3.1 Kaedah Kepustakaan                         | 34 |
| 3.3.2 Kaedah Analisis Teks                       | 34 |
| 3.4 Teori Kajian                                 | 35 |
| 3.4.1 Pendekatan Sosiologi Sastera               | 36 |
| 3.4.2 Teori Lapangan                             | 38 |
| 3.4.3 Pengaplikasian Teori Lapangan dalam Kajian | 41 |
| 3.5 Kesimpulan                                   | 43 |

### **BAB 4 LATAR BELAKANG KEHIDUPAN ZENG PU**

|                                                                     |    |
|---------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1 Pendahuluan                                                     | 45 |
| 4.2 Pengalaman Kehidupan dan Perubahan Pemikiran Zeng Pu            | 46 |
| 4.2.1 Tempoh Sebagai Golongan Intelek Tradisional<br>(1872-1893)    | 47 |
| 4.2.2 Tempoh Penyertaan Aktiviti Pembaharuan<br>(1894-1908)         | 50 |
| 4.2.3 Tempoh Penglibatan Diri dalam Politik Tempatan<br>(1909-1926) | 55 |
| 4.2.4 Tempoh Penterjemahan Karya-karya Fiksyen<br>Barat (1927-1935) | 59 |
| 4.3 Pengalaman Zeng Pu dalam Bidang Kesusasteraan                   | 63 |

|       |                                               |    |
|-------|-----------------------------------------------|----|
| 4.3.1 | Faktor-faktor Penekanan dan Penulisan Fiksyen | 64 |
| 4.3.2 | Zeng Pu dan Kesusasteraan Perancis            | 67 |
| 4.4   | Kesimpulan                                    | 75 |

## **BAB 5 PROSES PEMBENTUKAN NOVEL NIEHAI HUA**

|         |                                                    |     |
|---------|----------------------------------------------------|-----|
| 5.1     | Pendahuluan                                        | 77  |
| 5.2     | Latar Masyarakat Penulisan Novel Niehai Hua        | 78  |
| 5.2.1   | Keadaan Politik Negara yang Huru-hara              | 80  |
| 5.2.1.1 | Kegagalan dalam Hubungan Diplomatik dan Peperangan | 81  |
| 5.2.1.2 | Ketidakstabilan Politik Dalaman                    | 89  |
| 5.2.2   | Perubahan Pemikiran Rakyat dan Polisi Negara       | 100 |
| 5.2.2.1 | Gerakan Pembaratan (1861-1894)                     | 102 |
| 5.2.2.2 | Gerakan Pembaharuan (1895-1900)                    | 104 |
| 5.2.2.3 | Gerakan Revolusi dan Demokrasi (1895-1911)         | 109 |
| 5.3     | Proses Pembentukan Novel Niehai Hua                | 112 |
| 5.3.1   | Jin Song-cen dan Niehai Hua                        | 114 |
| 5.3.2   | Motif Penulisan Zeng Pu dalam Niehai Hua           | 119 |
| 5.3.3   | Proses Penulisan dan Penerbitan Niehai Hua         | 124 |
| 5.4     | Kesimpulan                                         | 129 |

## **BAB 6 PEMBENTUKAN KANDUNGAN NOVEL NIEHAI HUA**

|       |                                       |     |
|-------|---------------------------------------|-----|
| 6.1   | Pendahuluan                           | 131 |
| 6.2   | Tema dan Pemikiran Niehai Hua         | 133 |
| 6.2.1 | Mengkritik Sistem Pemerintahan Feudal | 134 |
| 6.2.2 | Mendedahkan Pencerobohan Imperialisme | 151 |



|       |                                                      |     |
|-------|------------------------------------------------------|-----|
| 6.2.3 | Menyokong Ideologi Pembaharuan dan Gerakan Reformasi | 164 |
|-------|------------------------------------------------------|-----|

|       |                                                 |     |
|-------|-------------------------------------------------|-----|
| 6.2.4 | Memuji Golongan Revolusi dan Ideologi Demokrasi | 171 |
|-------|-------------------------------------------------|-----|

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 6.3 | Kesimpulan | 180 |
|-----|------------|-----|

## **BAB 7 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

|     |             |     |
|-----|-------------|-----|
| 7.1 | Pendahuluan | 183 |
|-----|-------------|-----|

|     |                                       |     |
|-----|---------------------------------------|-----|
| 7.2 | Rumusan dan Perbincangan Hasil Kajian | 184 |
|-----|---------------------------------------|-----|

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 7.3 | Kesimpulan | 189 |
|-----|------------|-----|

|                |  |     |
|----------------|--|-----|
| <b>RUJUKAN</b> |  | 190 |
|----------------|--|-----|





## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                                                          | Muka Surat |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 5.1        | Peristiwa-peristiwa Diplomatik dan Peperangan antara Kerajaan Qing dengan Negara-negara Kapitalisme serta Kesan-kesannya | 84         |
| 5.2        | Proses Penerbitan Novel Niehai Hua                                                                                       | 127        |







## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                             | Muka Surat |
|-----------|---------------------------------------------|------------|
| 3.1       | Kerangka Kajian                             | 33         |
| 3.2       | Aplikasi Teori Lapangan dalam Kajian Semasa | 44         |





## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Dalam sejarah perkembangan novel China, novel “Niehai Hua”<sup>1</sup> 孽海花 (Kisah Bunga di Laut Berdosa) boleh diiktiraf sebagai sebuah karya yang cemerlang. Idea kandungan dan kesenian novel ini mempunyai nilai yang tidak dapat dinafikan di mana novel-novel lain tidak setandingnya. Berbanding dengan novel-novel cemerlang yang lain pada akhir Dinasti Qing, Niehai Hua telah mendedahkan sejarah China sepanjang 30 tahun sebelum Perang China-Jepun pada tahun 1894, termasuklah sikap patriotik rakyat dan idea revolusi mereka. Dalam aspek kesenian, novel ini bukan sahaja mewarisi ciri-ciri

---

<sup>1</sup> Menurut Peter Li (彼得・黎), Niehai melambangkan dosa-dosa pemerintah dan pegawai Dinasti Qing yang mengakibatkan situasi masyarakat negara China yang huru-hara. Hua (Bunga) membawa maksud perwatakan utama dalam novel iaitu Jin Wen-qing, Fu Chai-yun dan selebriti yang berkedudukan tinggi. (Pengkaji menggunakan sebutan Niehai Hua sebagai tajuk novel dalam kajian ini).





tradisional novel China, malah turut menyerap kaedah penulisan novel Barat. Penulisan novel Niehai Hua mengalami satu proses yang rumit. Walaupun novel ini dilengkapkan oleh Jin Song-cen<sup>2</sup> (金松岑) dan Zeng Pu (曾朴), tetapi Jin Song-cen hanya pencetus idea novel, manakala Zeng Pu pula merupakan penulis yang sebenar. Kandungan novel ini pada asalnya mempunyai 60 bab, tetapi akhirnya hanya diteruskan sehingga ke Bab 35. Novel Niehai Hua mempunyai dua versi iaitu “Versi Xiaoshuolin”<sup>3</sup> (小说林本) dan “Versi Zhenmeishan”<sup>4</sup> (真美善本) yang masing-masing mula diterbitkan pada tahun 1905 dan 1931. Oleh itu, proses rumit pembentukan novel ini memerlukan kita membuat penerokaan yang lebih lanjut.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Akhir Dinasti Qing merupakan zaman yang mengalami transformasi dari segi politik, ekonomi, masyarakat, budaya dan sebagainya. Terdapat banyak golongan intelek berpendapat bahawa novel bukan sahaja memberi manfaat dari segi hiburan, malah juga dikategorikan sebagai sumber yang dapat memberi inspirasi dan idea revolusi kepada rakyat dan negara. Pada tahun 1902, Liang Qi-chao (梁启超) telah mencadangkan

<sup>2</sup> Novel Niehai Hua ditulis oleh Jin Song-cen pada awalnya. Selepas novel ditulis sehingga Bab ke-6, dia sukar untuk menyambung ke Bab seterusnya dan akhirnya menyerahkan novel tersebut kepada Zeng Pu.

<sup>3</sup> Zeng Pu membuka “Persatuan Xiaoshuolin” (小说林社) di Shanghai dan menyambung penulisan novel Niehai Hua ke Bab ke-20 dalam masa 3 bulan. Novel tersebut dibahagikan kepada 2 edisi untuk diterbitkan pada tahun 1905. Pada tahun 1907, Zeng Pu menerbitkan lagi Bab 21-25 melalui “Jurnal Bulanan Xiaoshuolin” (小说林月刊).

<sup>4</sup> Zeng Pu membuka “Kedai Buku Zhenmeishan” (真美善书店) di Shanghai. Dia telah menambahkan 25 bab terdahulu dan menyambung penulisan novel Bab 26-35. Novel tersebut telah diterbitkan di “Jurnal Zhenmeishan” (真美善杂志) pada tahun 1931. Novel Niehai Hua edisi terkini mempunyai kandungan yang hanya diterbitkan sehingga Bab ke-35.





“Revolusi Novel”<sup>5</sup> (小说界革命). Ini menyebabkan “Novel Baru” (新小说) memainkan peranan untuk merealisasikan pembaharuan dari segi pembangunan negara serta pemikiran rakyat dan seterusnya dijadikan bahan kesusasteraan yang terpenting pada akhir Dinasti Qing. Dalam erti kata lain, hasil karya novel pada akhir Dinasti Qing telah mencapai kedudukan yang sama penting dengan sajak dan prosa. Novel baru ini bukan sahaja mewarisi ciri-ciri novel tradisional China, malah juga digabungkan dengan trend sastera dan teknik-teknik penulisan novel negara Barat.

Liang (1902, p. 6) pernah berkata dalam buku “Xin Xiaoshuo” 新小说 (Novel Baru) di bawah Bab yang bertajuk “Lun Xiaoshuo yu Qunzhi Guanxi” 论小说与群治关系 (Perbincangan tentang Hubungan Novel dengan Pengendalian Masalah

Masyarakat):

Nak membangunkan rakyat sesebuah negara, mesti membangunkan novel sesebuah negara. Maka nak membangunkan moral, mesti membangunkan novel. Nak membangunkan agama, mesti membangunkan novel. Nak membangunkan politik, mesti membangunkan novel. Nak membangunkan adat, mesti membangunkan novel. Nak membangunkan kesenian, mesti membangunkan novel. Sampai nak membangunkan hati dan akhlak orang, mesti membangunkan novel.<sup>6</sup>

<sup>5</sup> “Aktiviti Pembaharuan Novel” (小说改良运动) yang dimulakan pada akhir Dinasti Qing. Teori Revolusi Novel menekankan peningkatan kedudukan novel, mementingkan fungsi kemasyarakatan novel supaya novel berkhidmat untuk menambahbaik masyarakat dan mendedahkan ilmu kepada rakyat.

<sup>6</sup> Petikan asal: 欲新一国之民，不可不先新一国之小说。故欲新道德，必新小说；欲新宗教，必新小说；欲新政治，必新小说；欲新风俗，必新小说；欲新学艺，必新小说；乃至欲新人心，欲新人格，必新小说。





Liang telah mendedahkan bahawa tujuan novel baru ialah mengubah masyarakat dan menjadikan novel sebagai sumber penting untuk menyelamatkan negara. Dia mencadangkan kandungan novel baru perlu menekankan pemikiran rakyat dari segi politik dan mengembangkan semangat patriotik mereka terhadap negara. Teori novel baru ini telah memberi panduan yang penting terhadap penghasilan pelbagai karya novel pada akhir Dinasti Qing. Teori ini telah menekankan peranan novel dalam masyarakat, meningkatkan kedudukan novel, menyatakan ciri-ciri kebiasaan dan keunikan novel serta mendedahkan kepentingan novel baru sebagai saluran untuk meluahkan pendapat mereka dalam bidang politik (Yuan Jian 袁健, Zheng Rong 郑荣, 1989, p. 86).

Novel-novel akhir Dinasti Qing mempunyai zaman kegemilangan dalam sejarah China (Ah Ying 阿英, 2009, p. 1). Dalam buku “Wanqing Xiaoshuo Shi” 晚清小说史 (Sejarah Novel Akhir Dinasti Qing), Ou Yang-jian (欧阳健, 1997, p. 2) menyatakan bahawa tempoh era novel akhir Dinasti Qing adalah dalam lingkungan tahun 1901-1911. Kebanyakan penulis novel pada zaman tersebut menghasilkan novel yang mudah difahami oleh pembaca. Berdasarkan anggaran “Zhongguo Tongsu Xiaoshuo Zongmu Tiyao” 中国通俗小说总目提要 (Bibliografi Fiksyen Popular China), sebanyak 529 buah buku novel muncul dalam lingkungan 10 tahun tersebut dan anggaran ini hampir merangkumi separuh daripada jumlah novel yang wujud sejak Dinasti Tang hingga akhir Dinasti Qing (Guo Yan-li 郭延礼, 2001, p. 64). Wu Chun-bang (吴淳邦 1994, p. 1) berpendapat bahawa novel-novel seperti Niehai Hua, Ershinian Mudu zhi Guai Xianzhuang 二十年目睹之怪现状 (Pertemuan Fenomena Pelik Sepanjang 20 Tahun), Guanchang Xianxing Ji 官场现形记 (Kemunculan





Peristiwa Bidang Politik), Laocan Youji 老残游记 (Pengembaraan Laocan) merupakan novel yang paling berpengaruh dan mempunyai pencapaian yang terbaik dalam teknik menyindir antara semua novel tersebut. Lu Xun (鲁迅, 1924, p. 189) pula mengkategorikan keempat-empat novel tersebut sebagai “Novel Kritik” (谴责小说) kerana tema dan kandungannya mempunyai ciri-ciri kritik.

Novel kritik merupakan sumber novel yang dapat mendedahkan kegelapan masyarakat Dinasti Qing, mengkritik kemerosotan politik negara selepas kegagalan “Gerakan Pembaharuan 100 Hari”<sup>7</sup> (百日维新变法) (Shen Chao-hui 申朝晖, 2007, p. 72). Kemerosotan kerajaan Qing menyebabkan segelintir penulis berniat untuk mendedahkan realiti masyarakat dan membentuk karya novel yang mempunyai ciri-ciri kritik. Penulis-penulis pada masa itu berhasrat untuk menyampaikan komen dan mengkritik tindakan kerajaan Qing yang membelot negara. Mereka berharap dapat menyelesaikan masalah kehidupan masyarakat demi merealisasikan keamanan negara melalui karya novel. Cai Zhi-guo (蔡之国, 2012, p. 50) berpendapat bahawa perkembangan novel kritik adalah “selaras dengan permintaan situasi semasa, sesuai dengan kegemaran masyarakat.”<sup>8</sup> Ini memenuhi syarat revolusi novel dan “*Modernist Trend*” (现实主义思潮) dalam karya novel yang mempunyai pemikiran maju dalam kandungan serta mengalami pertukaran ciri formalistik daripada “Ya” 雅 (*Elegant*) kepada “Su” 俗 (*Popular*). Ini melambangkan perubahan ciri-ciri novel daripada tradisional kepada moden. Peningkatan kedudukan novel dan ciri-cirinya yang dapat

<sup>7</sup> Gerakan pembaharuan ini diketuai oleh Kang You-wei (康有为) pada tahun 1898 dan mendapat sokongan daripada Maharaja Guangxu (光绪皇帝), tetapi ditindas oleh Maharani Dowager Cixi (慈禧太后).

<sup>8</sup> Petikan asal: 特缘时势要求，以合时人嗜好。





memberi perubahan kepada masyarakat telah menyebabkan penulis mengkritik serta mendedahkan kebenaran dan kelemahan negara dan masyarakat dalam karya novel.

Antara novel-novel kritik yang tersenarai di atas, pengkaji memilih hasil karya Zeng Pu iaitu Niehai Hua sebagai kajian teks atas dua sebab tertentu. Pertama, Niehai Hua diiktiraf sebagai novel yang paling bernilai berbanding dengan novel-novel kritik lain. Jiang Rui-zao (蒋瑞藻, 1958, p. 196) pernah berkata dalam “Xiaoshuo Jitan” 小说技谈 (Perbincangan Ciri-ciri Novel): “Pelbagai novel baru muncul kebelakangan ini, kebanyakan novel ini mencapai tahap cemerlang, antara yang terbaik ialah Niehai Hua.”<sup>9</sup> Yong Lian-fen (杨联芬, 2002, p. 65) berpendapat bahawa Niehai Hua telah mengatasi batasan novel sejarah China yang tradisional dan menunjukkan ciri-ciri yang moden. Chen Zi-zhan (陈子展, 2000, p. 4) pula memberi pengiktirafan yang sangat tinggi dari segi kandungan dan struktur (penceritaan) dalam buku “Zhongguo Wenxue Shi Jianghua” 中国文学史讲话 (Perbincangan Perkembangan Sejarah China). Beliau memuji bahawa novel Niehai Hua merupakan sebuah karya cemerlang pada akhir Dinasti Qing kerana ia bukan sahaja mempunyai struktur yang lengkap, penggunaan bahasa yang menarik, malah juga menunjukkan pemikiran yang maju. Pencapaian novel ini telah mendahului novel-novel lain dan bersimpati terhadap ideologi revolusi. Novel ini muncul sejak tahun 1905 dan mendapat sambutan hangat daripada pihak pembaca.

---

<sup>9</sup> Petikan asal: 近来新撰小说，风起云涌，无虑千百种，固自不乏佳构，而才情纵逸，寓意深远者，以《孽海花》为巨擘。





Kedua, kandungan Niehai Hua dan novel kritik lain masing-masing mendedahkan permasalahan masyarakat, tetapi berbeza dari segi penulisan (Yuan, Zheng, 1989, p. 184). Kebanyakan penulis novel kritik terpengaruh dengan kemelesetan kerajaan dan kegelapan masyarakat pada akhir Dinasti Qing, mereka mempunyai corak yang sama iaitu hanya mendedahkan perwatakan dan fenomena yang buruk kepada pembaca. Sebaliknya, Niehai Hua menggunakan watak utama sebagai petunjuk novel, menerangkan 30 tahun sejarah kebelakangan Dinasti Qing dan mendedahkan peristiwa yang penting berdasarkan plot cerita yang menarik serta mempunyai tapak kandungan yang lebih besar (Ou, 2000, p. 18). Pengkaji berpendapat bahawa novel ini bukan sahaja mendedahkan kemerosotan masyarakat dan politik, malah juga menekankan perkembangan sejarah serta memaparkan realiti kehidupan masyarakat akhir Dinasti Qing kepada kita.



Pencapaian novel Niehai Hua yang tinggi menyebabkan pengkaji berminat dengan motif penulisan novel dan ciri-ciri pembentukannya. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pengkaji lain menitikberatkan kajian terhadap tema novel, kesenian novel seperti perwatakan, penggunaan bahasa dan sebagainya. Kajian tersebut memperoleh pencapaian yang cemerlang, tetapi pengkaji berpendapat bahawa kajian tersebut agak bertaburan dan tidak mampu memberi pendedahan yang lengkap tentang pembentukan novel kepada pembaca. Justeru, pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah penulis menulis novel Niehai Hua dalam situasi masyarakat yang cenderung kepada kritikan sosial dan revolusi novel. Bagaimanakah ketidakstabilan kehidupan masyarakat dan politik akhir Dinasti Qing boleh menyebabkan penulis berani mengkritik realiti dan menunjukkan perasaan bimbang terhadap nasib etnik sendiri? Justeru, selain mendedahkan ciri-ciri kritikan yang terkandung dalam novel, pengkaji







juga menerangkan faktor-faktor latar masyarakat dan latar belakang penulis yang mempengaruhi proses penulisan novel. Tambahan pula, huraian terhadap tema novel turut diutamakan oleh pengkaji untuk menganalisis pembentukan novel Niehai Hua, dengan ini barulah kita dapat mengenalpasti nilai dan makna novel ini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Seperti yang dinyatakan di atas, Niehai Hua merupakan salah satu karya Zeng Pu yang popular pada akhir Dinasti Qing. Novel ini mendapat sambutan hangat daripada pembaca dan diwarisi sampai sekarang. Sebagai langkah utama untuk menganalisis novel ini, kajian ini akan meneliti latar belakang kehidupan Zeng Pu dan proses penglibatannya dalam bidang kesusasteraan. Selain membincangkan pengalaman kehidupan penulis berdasarkan identitinya sebagai seorang intelek, peserta pembaharuan politik, pegawai kerajaan dan penterjemah, masih terdapat dua bahagian yang perlu dikendalikan dalam kajian.

Pertama ialah mengapa dan bagaimanakah Zeng Pu menceburi bidang kesusasteraan? Pengkaji akan membuat penjelasan tentang sebab-sebab penulis mengkaji kesusasteraan Perancis dan implikasinya terhadap penulis. Kedua, golongan intelek tradisional selama ini memandang rendah terhadap kedudukan novel dan beranggapan bahawa novel tidak mempunyai nilai yang tinggi. Namun itu, pengaruh novel pada akhir Dinasti Qing semakin ketara sejak tahun 1901. Sebenarnya, revolusi yang wujud pada masa itu telah mendorong peningkatan bilangan karya novel, antaranya termasuklah Revolusi Novel yang dikemukakan oleh Liang Qi-chao.





Pengkaji percaya bahawa idea Liang dalam buku Xiaoshuo yu Qunzhi Guanxi telah memberi galakan besar kepada Zeng Pu. Justeru, pengkaji juga menganalisis inspirasi Revolusi Novel terhadap karya Zeng Pu dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji juga akan menganalisis latar belakang dan proses penulisan novel Niehai Hua. Niehai Hua dikategorikan sebagai novel kritik atau novel sejarah dan ini berhubung rapat dengan latar masyarakat yang dialami oleh penulis. Pengkaji berpendapat bahawa peranan masyarakat yang dimainkan oleh Zeng Pu telah mempengaruhi proses penulisan dan tema Niehai Hua. Justeru, pengkaji akan menghuraikan latar masyarakat semasa Zeng Pu menghasilkan Niehai Hua untuk memberi pendedahan kepada proses penulisan novel dalam kajian ini. Niehai Hua ditulis oleh Jin Song-cen dan Zeng Pu, tetapi motif penulisan mereka adalah berbeza.



Justeru, kajian ini menghuraikan proses penulisan kedua-dua penulis dan implikasi mereka terhadap novel. Sebenarnya, Niehai Hua yang dicadangkan oleh Jin Song-cen adalah mengutamakan peristiwa-peristiwa politik Rusia demi menggalakkan revolusi (Ou, 1997, p. 11). Motif penulisan Zeng Pu pula menekankan fungsi novel sebagai pemangkin untuk membangunkan pemikiran rakyat demi menambahbaik kehidupan mereka (Ou, 1997, p. 27). Oleh itu, apakah perubahan yang dilakukan oleh Zeng Pu selepas mengambil alih penulisan novel Niehai Hua? Adakah tema novel ini bertindih dengan pemikiran Zeng Pu? Pengkaji akan membuat penjelasan lanjut terhadap soalan yang dikemukakan dalam kajian ini.

Tambahan pula, pengkaji juga akan menerangkan tema novel selepas perbincangan latar belakang dan proses penulisan Niehai Hua. Pengkaji mendapati kandungan yang diceritakan dalam novel ini adalah berdasarkan peristiwa-peristiwa





sejarah yang berlaku pada zaman pemerintahan Maharaja Tongzhi dan Guangxu (同治和光绪时代). Tujuannya adalah untuk melakarkan dan mendedahkan sejarah perkembangan China selama 30 tahun pada zaman itu. Zeng Pu memilih Jin Wen-qing (金雯青) dan Fu Cai-yun (傅彩云) sebagai watak utama, banyak menceritakan kehidupan pegawai dan golongan intelek serta sengaja menghubungkan kehidupan mereka dengan peristiwa sejarah. Terdapat dua aspek utama dalam kandungan Niehai Hua, pertamanya ialah menerangkan peristiwa yang berkaitan dengan politik, ketenteraan dan hubungan diplomatik. Antara peristiwa yang diceritakan termasuklah Perang China-Perancis (中法战争), Perang China-Jepun (甲午中日战争), perebutan kuasa di istana dan sebagainya. Keduanya ialah menghuraikan perkembangan dan perubahan dalam aspek pemikiran dan budaya. Ini termasuklah kewujudan Ideologi Gerakan Pembaratan (洋务思想), penyebaran Gerakan Reformasi dan Pembaharuan (改良维新运动) serta Ideologi Revolusi dan Demokrasi (民主革命思想). Beliau telah membuat huraian tambahan terhadap golongan yang aktif dalam bidang politik untuk mendedahkan keadaan politik, budaya dan pemikiran yang wujud pada akhir Dinasti Qing. Jadi, bagaimanakah Zeng Pu melakarkan perwatakan dan peristiwa yang pernah berlaku di China dalam kandungan Niehai Hua? Adakah perkembangan sejarah menentukan tema yang terkandung dalam novel ini? Justeru, pengkaji akan membuat analisis teks dan pengumpulan maklumat daripada kajian terdahulu untuk mengkaji pembentukan tema novel Niehai Hua.

Kesimpulannya, novel Niehai Hua yang ditulis oleh Zeng Pu merupakan karya yang cemerlang. Novel ini memiliki ciri-ciri novel sejarah dan novel kritik di mana kandungan novel banyak mengkritik kegelapan politik Dinasti Qing serta mendedahkan





perubahan politik dan budaya pada zaman tersebut. Pengkaji berharap dapat meneliti ciri-ciri keistimewaan novel ini supaya dapat membuat penerokaan yang lebih terperinci terhadapnya.

#### 1.4 Objektif Kajian

1. Memahami latar belakang Zeng Pu dan hubungkaitnya dengan proses penulisan novel Niehai Hua secara terperinci.
2. Mendedahkan pembentukan novel Niehai Hua dari segi penulisan dan temanya.



#### 1.5 Signifikan Kajian

Kajian ini mempunyai dua sumbangan utama. Pertama, pengkaji berharap masyarakat dapat membuat penilaian semula tentang kedudukan novel akhir Dinasti Qing dalam kesusasteraan China. Akhir Dinasti Qing merupakan satu tempoh peralihan di mana novel tradisional berubah menjadi novel moden. Kebanyakan orang beranggapan bahawa novel pada zaman tersebut tidak dapat diiktiraf sebagai novel yang berkualiti kerana lemah dari aspek isi kandungan dan bentuk. Namun itu, pengkaji berpendapat bahawa kita tidak boleh mengabaikan makna sebenar novel akhir Dinasti Qing. Konsep Revolusi Novel yang dikemukakan oleh Liang Qi-chao telah membawa perkembangan kepada novel China kerana beliau telah mendedahkan asas dan fungsi-fungsi novel serta memperluaskan skop novel. Ramai golongan intelek dan penulis akhir Dinasti





Qing terpengaruh dengan konsep novel Liang Qi-chao. Mereka berusaha mendedahkan unsur negatif masyarakat dalam karya dan menyebarkan pandangan baru melalui novel serta menggalakkan ideologi revolusi dan pembaharuan. Atas dorongan latar belakang sejarah tersebut, kedudukan novel telah dinaikkan kepada tahap yang penting dalam kesusasteraan China. Justeru, kegemilangan novel pada akhir Dinasti Qing merupakan fenomena yang perlu dihargai.

Kedua, pengkaji berharap dapat mengkaji kepentingan pembentukan Niehai Hua. Novel ini menerangkan 30 tahun sejarah penghujung Dinasti Qing yang mengalami perubahan daripada tradisional kepada moden dalam aspek budaya dan politik. Penulis turut mengkritik kemerosotan Dinasti Qing dan mendedahkan perasaan masyarakat yang benci terhadap politik kerajaan Qing. Tema yang terkandung dalam Niehai Hua juga melambangkan pemikiran dan idea golongan intelek pada zaman tersebut. Terdapat pengkaji-pengkaji lain yang pernah membuat kajian terhadap Niehai Hua, tetapi kajian mereka hanya tertumpu dalam pendedahan tema dan kesenian novel. Kajian-kajian ini tidak membantu kita memahami pembentukan Niehai Hua secara terperinci. Justeru, pengkaji berharap dapat mendedahkan faktor-faktor pembentukan novel dan temanya berdasarkan motif penulisan Zeng Pu serta latar masyarakatnya demi mendedahkan kepentingan novel ini.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih novel Niehai Hua sebagai skop kajian dan mengutamakan kajian teks novel ini demi mendedahkan pembentukan novel. Pengkaji





telah menskopkan ruang lingkup masa pada tahun 1872-1931 dan sebab-sebab penetapan ruang lingkup masa tersebut berdasarkan dua aspek iaitu penulis dan karya novel.

Sebagaimana yang disebut atas, Niehai Hua dilengkapi oleh dua orang penulis iaitu Jin Song-cen dan Zeng Pu. Namun itu, Jin Song-cen hanya memberi idea kepada pembentukan kerangka novel pada awal proses penulisan, manakala Zeng Pu pula merupakan penulis utama novel ini. Justeru, semasa mengkaji hubungan antara latar belakang Zeng Pu dengan penulisan novel, pengkaji menetapkan ruang lingkup masa pada tahun 1872-1931. Hal ini kerana lingkup masa tersebut merupakan tempoh perubahan pemikiran penulis selepas dia mengalami pengalaman kehidupan sebagai golongan intelek tradisional, aktif dalam penglibatan aktiviti pembaharuan dan politik serta proses pembentukan buku Niehai Hua.

Lingkup masa bermula pada tahun 1872 kerana Zeng Pu dilahir pada tahun ini. Dia telah menurut perancangan yang ditetapkan oleh ayahnya sejak kecil lagi. Zeng Pu memainkan peranan sebagai golongan intelek tradisional untuk mempelajari penulisan “*Eight-legged Essay*”<sup>10</sup> 八股文 (Esei Bagu) dan menduduki peperiksaan awam tradisional (科举). Pada tahun 1895, China mengalami kekalahan teruk dalam Perang China-Jepun. Zeng Pu sedar bahawa budaya China memerlukan pembaharuan yang besar selepas dia mendapati pencerobohan kuasa asing semakin membimbangkan. Dia telah mecebur budaya negara Barat, mempelajari bahasa Perancis di “School of Combined Learning”<sup>11</sup> 同文馆 (Dewan Tongwen) dengan hasrat untuk

<sup>10</sup> Karangan khas yang ditetapkan dalam peperiksaan awam tradisional pada Dinasti Qing.

<sup>11</sup> Sekolah pertama yang mempelajari bahasa asing pada akhir Dinasti Qing.





menyelamatkan negara. Pada tahun 1896, Zeng Pu berhasrat untuk berkhidmat di Pejabat Luar Negeri (总理衙门), tetapi dia telah ditolak oleh pegawai-pegawai lain yang mementingkan kepentingan sendiri. Kegelapan dan perbalahan dalam bidang politik telah menimbulkan kemarahan Zeng Pu terhadap kemerosotan Dinasti Qing. Pengkaji berpendapat bahawa pengalaman kehidupan yang dialami oleh Zeng Pu memberi implikasi yang besar terhadapnya dalam penulisan kandungan Niehai Hua.

Pada tahun 1904, Zeng Pu menerima cadangan Jin Song-cen untuk melanjutkan penulisan Niehai Hua. Dia telah melengkapkan 20 bab dalam masa 3 bulan. 20 bab novel ini dibahagikan kepada 2 bahagian dan pernah diterbitkan oleh Persatuan Xiaoshuolin pada tahun 1905. Ini merupakan peringkat pertama yang paling penting dalam penulisan Niehai Hua. Penerbitan 20 bab kandungan novel ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat, tetapi Zeng Pu telah memperlahankan penulisan novel ini. Sehingga tahun 1907, kandungan Niehai Hua Bab 21-25 baru diterbitkan di Jurnal Bulanan Xiaoshuolin (小说林月刊). Ini merupakan peringkat penulisan yang kedua. Selepas itu, Zeng Pu telah berhenti menulis selama 20 tahun dan sehingga tahun 1927, dia membuka kedai buku Zhenmeishan di Shanghai. Dia telah menambahbaikkan kandungan novel ini dan melanjutkan penulisannya sehingga ke Bab 35. Ini merupakan peringkat penulisan novel yang ketiga.

Sungguhpun penulisan Niehai Hua dibahagikan kepada tiga peringkat dan mengalami tempoh masa sebanyak 20 lebih tahun (1905-1931), novel ini akhirnya tidak berjaya dilengkapkan. Niehai Hua mengandungi dua versi iaitu “Versi Xiaoshuolin” (1905) dan “Versi Zhenmeishan” (1931). Merujuk kepada perbandingan kedua-dua versi novel ini, didapati bahawa “Versi Zhenmeishan” lebih matang dan sempurna dari





aspek kesenian. Ini berkait rapat dengan permintaan Zeng Pu yang mengejar keunikan kesenian dan teknik penyampaian. Tambahan pula, “Versi Zhenmeishan” banyak memadamkan kritikan dan pendapat yang tajam serta mendedahkan keadaan ideologi masyarakat yang rumik dengan sempurna pada masa itu.

Justeru, pengkaji telah menggunakan buku Niehai Hua “Versi Zhenmeishan” sebagai teks dasar kajian ini dan penerbitan pertama novel versi tersebut selaras dengan skop masa kajian pengkaji yang berakhir pada tahun 1931. Versi tersebut diterbit semula oleh *Shanghai Classics Publishing House* (上海古籍出版社) pada tahun 2009. Pengkaji berharap dapat memanfaatkan kandungan Niehai Hua demi memahami kepentingan novel ini secara terperinci.

